

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENSYARAH MELABUR DALAM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB)

Nurul Afiqah Abd Rahman¹ & Mohamad Shahrul Nizam Zamri²

¹Pensyarah Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi, Kolej Universiti Islam Melaka.

²Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Kolej Universiti Islam Melaka.

ABSTRAK

Amanah Saham Bumiputera (ASB) merupakan sebuah unit dana amanah pelaburan bumiputera Malaysia yang telah diperkenalkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad pada 2 Januari 1990 bagi membantu masyarakat bumiputera dalam menyediakan simpanan dan pelaburan jangka masa panjang. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji faktor yang mempengaruhi pensyarah di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) melabur dalam Amanah Saham Bumiputera ini. Seramai 66 orang pensyarah dipilih sebagai responden telah menjawab soal selidik yang diberikan. Analisis korelasi digunakan bagi menganalisis hubungan di antara ketersampaian maklumat dan pendapatan dengan faktor yang mempengaruhi pensyarah melabur dalam ASB. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa dua faktor iaitu ketersampaian maklumat dan pendapatan mempengaruhi pensyarah di KUIM untuk membuat pelaburan ini. Dapatan kajian ini turut menunjukkan faktor pendapatan merupakan elemen yang paling dominan dalam mempengaruhi pensyarah melabur dalam unit ASB. Kajian ini merumuskan bahawa untuk mempengaruhi pensyarah melabur dalam ASB, pihak Syarikat Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) perlu meningkatkan pendedahan kepada semua lapisan pensyarah supaya mereka lebih merasai kewujudan pelaburan tersebut dan memahami pulangan ke atas setiap pelaburan amanah saham.

Kata kunci : *ketersampaian maklumat, pendapatan*

FACTORS AFFECTING LECTURERS INVESTING IN *AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB)*

ABSTRACT

Amanah Saham Bumiputera (ASB) is a unit of Malaysian bumiputera investment trust fund that was introduced by Amanah Saham Nasional Berhad on 2 January 1990 to assist the bumiputera community in providing long-term savings and investment. This study was conducted to examine the factors that influence lecturers at Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) to invest in Amanah Saham Bumiputera. A total of 66 lecturers selected as respondents answered the questionnaire given. Correlation analysis is used to analyze the relationship between information access and income with factors influencing lecturers investing in ASB. The results of this study show that two factors namely access to information and income was influence lecturers at KUIM to make this investment. The findings of this study also show that the income factor is the most dominant element in influencing lecturers to invest in ASB units. This study concludes that to influence lecturers to invest in ASB, Syarikat Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) needs to increase exposure to all levels of lecturers so that they feel more about the existence of such investments and understand the return on each unit trust investment.

Keywords: *accessibility of information, income.*

PENGENALAN

Amanah Saham Bumiputera (ASB) merupakan sebuah unit dana amanah pelaburan bumiputera Malaysia yang telah diperkenalkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad pada 2 Januari 1990 bagi membantu masyarakat bumiputera dalam menyediakan simpanan dan pelaburan jangka masa panjang. Amanah Saham Nasional Berhad merupakan anak syarikat kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang telah ditubuhkan pada 17 Mac 1978 sebagai satu instrumen Dasar Ekonomi Baru bagi menggalakkan pelaburan dikalangan bumiputera. Amanah Saham Bumiputera ini merupakan pelaburan berharga tetap iaitu satu unit bersamaan dengan RM1 dan mempunyai had pelaburan sehingga RM200,000.

Objektif Permodalan Nasional Berhad adalah ingin meningkatkan taraf ekonomi masyarakat bumiputera yang majoritinya beragama Islam dengan memperkenalkan produk pelaburan seperti Amanah Saham Bumiputera, Amanah Saham Nasional dan sebagainya. Maka ianya perlulah berlandaskan syariah Islam dan tidak melanggar hukum yang dianjurkan oleh agama Islam. Menurut laman sesawang Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (2017), saiz pelaburan Permodalan Nasional Berhad sangat besar sehingga industri kewangan dan pasaran modal Islam masih tidak mencukupi untuk menampungnya.

Justeru, Permodalan Nasional Berhad terpaksa mewujudkan saringan maqasid syariah, melakukan beberapa inisiatif penambahbaikan dan menstrukturkan pelaburannya bagi mencapai matlamat dan memastikan ia patuh syariah. Hasil daripada pelaburan-pelaburan saham yang dibuat secara keseluruhan adalah memelihara salah satu daripada lima masalah utama syarak yang dikenali sebagai *daruriyyat* yang lima iaitu melindungi agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Masalah yang dibawa oleh PNB kepada umat Islam dan bumiputera adalah untuk menjaga kepentingan negara seperti kestabilan politik dan ekonomi, keperluan kepakaran dalam industri-industri yang kritikal dan menjaga aset-aset strategik negara. Di samping itu, kepentingan hasil daripada pelaburan-pelaburan saham iaitu jumlah pendapatan daripada pelaburan tersebut juga merupakan kepentingan yang perlu dijaga. Ini kerana jumlah pendapatan pelaburan tersebut disalurkan semula kepada umat Islam dan bumiputera sebagai dividen. Dalam konteks Permodalan Nasional Berhad, pelaburan dalam syarikat-syarikat yang terlibat bukan sahaja dapat melindungi salah satu daripada lima asas utama ini, bahkan ia dapat melindungi beberapa elemen yang berkepentingan untuk menyokong lima asas tersebut. Sehubungan dengan itu, setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa bagi menjaga kepentingan dan masalah umat Islam serta mengelakkan kemudharatan yang lebih besar, hukum

melabur dalam skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) serta dividen atau bonus yang diterima adalah harus.

Walaupun bagaimanapun, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Syarikat Permodalan Nasional Berhad (PNB), antara isu yang timbul dalam pelaburan Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) adalah kefahaman masyarakat dari golongan bawahan dan pertengahan tentang perbezaan akaun simpanan dengan pelaburan ASB. Selain itu, kecenderungan masyarakat untuk berbelanja hasil dari pendapatan yang mereka terima setiap bulan juga menjadi isu utama dalam permasalahan pelaburan ASB ini.

Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk :

1. Mengkaji hubungan ketersampaian maklumat dalam mempengaruhi pensyarah Kolej Universiti Islam Melaka melakukan pelaburan dalam unit Amanah Saham Bumiputera.
2. Mengenalpasti hubungan pendapatan dalam mempengaruhi pensyarah Kolej Universiti Islam Melaka melakukan pelaburan dalam unit Amanah Saham Bumiputera

SOROTAN KAJIAN

Ketersampaian Maklumat Mempengaruhi Pensyarah Melabur Dalam Amanah Saham Bumiputera

Menurut kajian yang dijalankan oleh Nadiah Mohd Zakie (2018), terdapat banyak faktor yang mempengaruhi seseorang individu itu melakukan pelaburan antaranya tahap kesedaran, tahap kefahaman, tahap pengetahuan dan ketersampaian maklumat tentang pelaburan kepada mereka. Melihat status pelaburan di Malaysia di kalangan masyarakat tani, Zaimah Ramli (2010) menyatakan bahawa kebanyakannya petani ini mempunyai pengetahuan asas sahaja tentang saham amanah, akan tetapi ketersampaian maklumat dan penglibatan mereka secara langsung dalam pelaburan tersebut agak terbatas.

Ketersampaian maklumat tentang pelaburan sangat mempengaruhi peningkatan pengetahuan serta pemahaman seseorang individu kerana ini mempunyai kaitan yang penting dalam kualiti pembuatan keputusan pelaburan (Kanmani & Husniya, 2013). Selain itu, golongan isi rumah yang kerap terlibat dalam aktiviti-aktiviti pelaburan seperti seminar pelaburan bijak adalah mereka yang mahir dan mempunyai pengetahuan kewangan yang mendalam kerana maklumat-maklumat pelaburan sampai kepada mereka (Marianne A. Hilgert, 2003).

Faktor penting dalam pelaburan termasuklah aliran tunai individu atau syarikat, risiko pelaburan yang terlibat, ciri-ciri pelaburan, ketersampaian maklumat pada peringkat individu dan kualiti sesuatu pelaburan (De Simone, Lisa et.al, 2019).

Pendapatan Mempengaruhi Pensyarah Melabur Dalam Amanah Saham Bumiputera

Menurut Zaimah. R., et.al. (2016), pendapatan bulanan, pemilikan aset, bilangan produk kewangan, sumbangan pendapatan dalam keluarga, dan pembuatan keputusan kewangan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kesejahteraan kewangan dan pelaburan yang sering dilakukan oleh individu.

Konsep kesejahteraan hidup merupakan satu proses dinamik yang memberikan nilai kepada manusia tentang bagaimana kehidupan mereka berkembang sama ada bertambah baik atau sebaliknya. Konsep ini mempunyai dimensi yang pelbagai, namun secara tradisinya ia diukur melalui petunjuk ekonomi iaitu melalui tingkat pendapatan (Yusof, 2014). Pendapatan juga merupakan antara faktor yang paling utama dalam menentukan penggunaannya dan sebagai medium utama untuk memulakan pelaburan. Perkaitan antara pendapatan dengan penggunaan telah dipersetujui oleh banyak pengkaji (Paim, 2009). Kebanyakan pakar ekonomi merujuk kesejahteraan ekonomi sesebuah negara dan individu itu melalui penggunaan modal, barangan atau material yang berkualiti tinggi sebagai medium pelaburan (Fuentes, 2001).

Menurut Muhammad, F. et al (2015), perancangan kewangan atau pendapatan amat penting bagi memastikan kehidupan pada masa kini dan hadapan dapat diurus dengan baik. Bagi kumpulan berpendapatan tetap yang terdiri dari kelompok berpendapatan sederhana dan tinggi, pendapatan ini perlu diuruskan secara berhemah bagi mengimbangi kekangan dan bebanan yang dihadapi. Pendapatan perlu dibahagikan kepada beberapa bahagian setiap bulan iaitu aset kediaman, kenderaan, insurans dan pelaburan.

Pelaburan (Amanah Saham Bumiputera)

Menurut Isfandiar (2013), Amanah Saham Bumiputera (ASB) atau lain-lain kategori pelaburan memainkan peranan dan fungsi yang penting sebagai satu segmen dalam peningkatan pasaran modal. Antara kelebihan pelaburan ASB ini ialah ia dikawal oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) yang mana hanya skim pelaburan yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti yang boleh ditawarkan kepada orang ramai di Malaysia. Selain itu, pelaburan pasaran modal ini berbentuk mudah tunai dan mempunyai kecairan yang tinggi (Sabri, 2008).

Peruntukan portfolio pelaburan ini adalah langkah pertama dalam membuat sebarang keputusan terhadap strategi yang digunakan oleh sesebuah syarikat dan seseorang individu. Peruntukan ini amat penting kerana ia menggunakan konsep kepelbagaian yang boleh meminimumkan impak yang negatif iaitu risiko yang perlu ditanggung dalam setiap pelaburan. Selain itu, hasil pulangan yang akan diperolehi dari pelaburan tersebut akan digunakan untuk memberi dividen kepada setiap ahlinya (Little, 1999).

Sabri. F. M dan Xi. C.E (2019) menyatakan bahawa pengetahuan atau literasi kewangan adalah sangat penting untuk penentuan pelaburan, pembuatan keputusan dan prestasi. Selain itu, ia menunjukkan bahawa literasi kewangan dapat meningkatkan penyertaan dalam pasaran saham kerana faktor ketersampaian maklumat tentang instrumen pelaburan tersebut. Selain itu, masyarakat yang celik kewangan akan menghabiskan lebih banyak pendapatan mereka untuk melabur ke dalam saham kerana mereka mempunyai kesedaran dan keyakinan yang lebih tinggi untuk mendapatkan pulangan dari pelaburan mereka dalam bentuk dividen atau bonus. Sebaliknya, masyarakat yang mempunyai pengetahuan yang rendah cenderung melihat pelaburan seperti saham sebagai produk kewangan yang berisiko.

METODOLOGI

Kajian ini akan dijalankan di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) untuk mengkaji hubungan ketersampaian maklumat dan pendapatan dalam mempengaruhi pensyarah melakukan pelaburan ke dalam ASB. Seramai 66 orang pensyarah telah dipilih untuk menjadi responden dalam menjawab soal selidik. Jumlah sampel adalah ditentukan menggunakan formula Tabachnick dan Fidell (2007). Pengumpulan data yang akan dilakukan adalah melalui soal selidik berstruktur yang diedarkan dan soalan ini menggunakan skala likert (Muhammad, 2015). Seterusnya, data dianalisis menggunakan ujian korelasi pearson dengan menggunakan perisian SPSS. Dalam kajian ini, instrumen yang telah diguna pakai berdasarkan beberapa kajian dan diselaraskan untuk merangkumi sebahagian besar aspek-aspek penting dalam faktor yang mempengaruhi pelaburan ASB.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1: Maklumat Demografi

Profil		Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	23	34.8
	Perempuan	43	65.2
	Jumlah	66	100.0
Taraf Pendidikan	Ijazah Sarjana	59	89.4
	Doktor Falsafah	7	10.6
	Jumlah	66	100.0
Pendapatan (RM)	Bawah RM2000	2	3.0
	RM2000-RM4000	25	37.9
	RM4000-RM6000	30	45.5
	RM6000 Ke Atas	9	13.6
	Jumlah	66	100.0

Mempunyai pelaburan ASB atau tidak?	Ya	66	100.0
	Tidak	0	0
	Jumlah	66	100.0

Jadual 1 di atas menunjukkan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina, taraf pendidikan, pendapatan mereka dan pemilikan pelaburan ASB. Di dalam keputusan kajian yang telah dibuat menunjukkan bahawa majoriti golongan pensyarah di KUIM ini mempunyai pelaburan dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB).

Analisis Korelasi

Jadual 2 menunjukkan hubungan antara pembolehubah yang dikaji iaitu hubungan antara ketersampaian maklumat dan pendapatan yang mempengaruhi pensyarah KUIM melabur dalam pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB). Hasil dapatan kajian ini menunjukkan kesemua pembolehubah bebas berada dalam kekuatan hubungan sederhana mengikut Jadual 2.

Jadual 2: Korelasi pembolehubah dan faktor yang mempengaruhi pelaburan dalam ASB

Pembolehubah		Ketersampaian maklumat	Pendapatan
Faktor Yang Mempengaruhi Pensyarah Melabur Dalam ASB	Pearson Correlation (r)	.539**	.591**
	Sig. (2 tailed)	.000	.000
	N	66	66

Hasil daripada data analisis yang dipaparkan pada jadual 2 di atas menunjukkan hubungan yang signifikan antara ketersampaian maklumat dan faktor yang mempengaruhi pensyarah melabur dalam ASB ($r = 0.539$, $p < 0.05$). Hubungan ini adalah sederhana dan positif di mana jika semakin cepat sesuatu maklumat tentang pelaburan ASB itu sampai kepada pensyarah, maka semakin ramai pensyarah yang akan melaburkan wang mereka ke dalam pelaburan ASB.

Hasil kajian juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan dan faktor yang mempengaruhi pensyarah melabur dalam ASB ($r = 0.591$, $p < 0.05$). Hubungan ini adalah sederhana tetapi lebih tinggi dan lebih signifikan dari pembolehubah pertama di mana jika semakin besar pendapatan seseorang pensyarah itu, maka semakin besar pelaburan mereka ke dalam ASB.

Analisis Regresi

Untuk menunjukkan faktor paling dominan dalam mempengaruhi pensyarah melaburkan wang mereka ke dalam pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB), maka Analisis Regresi digunakan. Jadual 3 menunjukkan pembolehubah pendapatan merupakan faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi pensyarah melaburkan wang mereka ke dalam pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB) ini iaitu sebanyak 0.384 (38.4%).

Jadual 3: Analisis Regresi dan faktor yang mempengaruhi pelaburan dalam ASB

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
1 (Constant)	1.717	.349		4.914	.000
Ketersampaian Maklumat	.262	.071	.368	3.698	.000
Pendapatan	.384	.085	.452	4.540	.000

PERBINCANGAN

Berdasarkan keputusan kajian analisis yang diperolehi, pendapatan mempunyai hubungan yang lebih signifikan berbanding dengan ketersediaan maklumat yang mempengaruhi pensyarah melabur dalam pelaburan ASB. Menurut Muhammad et. al (2015), perancangan kewangan dan pendapatan adalah penting untuk memastikan kehidupan pada masa kini dan pada masa hadapan agar ianya dapat diurus dengan baik. Bagi kumpulan berpendapatan tetap yang terdiri dari kelompok berpendapatan sederhana dan tinggi, pelaburan dalam mana-mana instrumen pelaburan perlu diuruskan secara efektif bagi mengimbangi modal pelaburan dan pulangan yang bakal diterima setiap tahun. Hasil analisis ini juga menyokong kajian Yusof (2014) di mana tingkat pendapatan seseorang yang merujuk kepada petunjuk ekonomi sangat mempengaruhi kesejahteraan hidup yang memberikan nilai kepada perkembangan kehidupan sama ada semakin baik atau sebaliknya.

Melalui kajian ini, maklumat yang diperolehi boleh dijadikan sebagai rujukan bagi banyak pihak antaranya syarikat Permodalan Nasional Berhad (PNB). PNB boleh melihat tahap pelaburan masyarakat terhadap produk yang ditawarkan oleh mereka. Dengan ini Syarikat Permodalan Nasional Berhad perlu menjalankan program-program yang melibatkan semua golongan dari pelbagai sektor bagi meningkatkan aktiviti pelaburan dan memberi pendedahan serta maklumat tentang kepentingan pelaburan bagi jangka masa panjang.

RUJUKAN

- De Simone, Lisa and Klassen, Kenneth and Seidman, Jeri K., (2019). The Effect of Income-Shifting Aggressiveness on Corporate Investment. Stanford University Graduate School of Business: Research Paper No. 18-38.
- Fuentes, N. &. (2001). Economic Theory and Subjective Well-being: Mexico. *Social Indicators Research.*, 289-314.
- Kanmani & Husniya. (2013). Pengetahuan Dan Jangkaan Pelaburan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 20. Pp. 24-36. ISSN 1511-998X.
- Little. (1999). *Investment: Concepts, Analysis and Strategy*. Scoot, Foreman and Company, 684 – 685.
- Marianne A. Hilgert, J. M. (2003). Household Financial Management: The Connection Between Knowledge And Behavior. *Federal Reserve Bulletin*, 309-322.
- Muhammad, F. et al (2015). Kehidupan Kelas Menengah Malaysia: Satu Kajian Kes Mengenai Corak Perbelanjaan Guru Dalam Pemilikan Aset Dan Pelaburan Kewangan. *Malaysian Journal of Society and Space*, Issue 11, 1-13.
- Nadiah, M.Z. 2018). Sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat Terhadap Amalan Pelaburan: Kajian Kes Program Seminar 360 Hari 1 Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, Jilid 2 (1), 1- 12.
- Paim (2009). Determinants Of Financial Wellness Among Malaysia Workers. *African Journal of Business Management*.
- Sabri, M. (2008). Financial Behavior And Problems Among College Students In Consumer Interests Annual: Pg 54.
- Sabri. F. M dan Xi. C.E. (2019). Financial Literacy And Related Outcomes: The Role Of Financial Information Sources. *International Journal of Business and Society*, Vol. 20 No 1, 2019, 286-298.
- Shahzad, F. et. al. (2019). The Influence Of Financial Reporting Quality And Audit Quality On Investment Efficiency: Evidence From Pakistan. *International Journal Of Accounting & Information Management*, Vol. 27 No. 4, Pp. 600-614.
- Tabachnick & Fidell. (2013). *Using Multivariate Statistics*. Needham Heights, MA: Allyn & Bacon.
- Yusof, A. (2014). Kesejahteraan Hidup Subjektif : Pengaruh Elemen Ekonomi Dan Bukan Ekonomi. *Prosiding PERKEM Ke-9*, 719–727.
- Zaimah, R. (2010). Ketersampaian Masyarakat Tani Kepada Pelaburan. *Jurnal e-Bangi*, Volume 5, Number 1,142-152.
- Zaimah, R. et al. (2016). Faktor-Faktor Penentu Kesejahteraan Kewangan Pekerja Di Malaysia. *E-Bangi*, Special Issue 1; Vol. 11, 229-240.